

FEMINISME DALAM NOVEL TAMIL
MALAYSIA ABAD KE-21

RAJASWARY A/P VAIRAN

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH (KESUSASTERAAN TAMIL)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2015

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti citra wanita, mengkaji emansipasi wanita dan menganalisis kedudukan serta martabat kaum wanita dalam novel Tamil Malaysia berdasarkan teori feminism. Reka bentuk kajian menggunakan kaedah kualitatif deskriptif. Kaedah ini memberi keterangan tentang sifat dan keadaan manusia serta memperoleh maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan pada novel Tamil Malaysia yang diterbitkan dalam jangkamasa tahun 2000 hingga 2012. Walaupun 24 buah novel Tamil Malaysia telah diterbitkan dalam jangkamasa 12 tahun, sebanyak empat buah novel Tamil sahaja yang mencerminkan teori feminimse iaitu *Mallikaikal Nhiram Ma:ruvathillai*, *Vit:ivel:l:i. Vallamai Tha:ra:yo:* dan *Pen: Kuthirai*. Kedudukan dan peranan watak-watak wanita itu dikaji menggunakan perspektif feminism dengan menekankan faktor-faktor sosial, budaya, pendidikan, ekonomi dan politik. Hasil kajian menunjukkan bahawa pencapaian pendidikan kaum wanita memberi implikasi dalam peningkatan status mereka. Wanita yang berpendidikan dapat berdikari dan mencorak hidup mereka. Imej wanita yang ditonjol oleh para pengkarya novel Tamil Malaysia ini merupakan imej wanita yang berjaya dan maju setanding dengan kaum lelaki. Seterusnya, pengarang memberi kedudukan yang tinggi kepada wanita yang mengamati tradisi serta berpegang teguh pada nilai-nilai lemah lembut, setia dan sabar. Walaupun dua daripada empat orang pengkarya terdiri daripada kaum lelaki, mereka tidak lupa memberi penghormatan kepada kemampuan dan kredibiliti kaum wanita. Hal ini membantu dalam usaha membanteras dan menangani masalah penindasan, penderaan dan pengeksplorasiwanita. Citra dan kredibiliti kaum wanita yang kian terserlah sekali gus dapat mengangkat martabat wanita seiring dengan lelaki di kaca mata dunia.



05

dan kredibiliti kaum wanita.

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

FEMINISM IN MALAYSIAN TAMIL NOVELS OF THE 21ST CENTURY

ABSTRACT

This research is aimed at identifying the image of women, reviewing the emancipation of women and analyse the position and dignity of women in the Malaysian Tamil novels in accordance to the feminism theory. The design of the study uses qualitative descriptive method. This method provides a description of the nature and the human condition and quality of information obtained by focusing the Malaysian Tamil novel published during the period 2000 to 2012. Even though 24 Malaysian Tamil novels have been published within a time span of 12 years, only four Tamil novels reflects the feminism theory namely *Mallikaikal Nhiram Ma:ruvathillai*, *Vit:ivel:l:i. Vallamai Tha:ra:yo:* and *Pen: Kuthirai*. The position and role of the said women characters studied using the perspective of feminism that emphasize social factors, cultural, educational, economic and political. The results showed that educational attainment of women has implications in improving their status. The educated women could be independent and design their own life. Images of women portrayed by the authors of the Malaysian Tamil novel is a successful female image and developed on par with men. Further, the authors give a high position to women who observe tradition and uphold civilized values as gentle, loyal and patient. Even though two out of four authors are men, they did not neglect to give due respect to the ability and credibility of the women. This helps in the fight against and to overcome the problem of oppression, abuse and exploitation of women. The image and credibility of women is increasingly evident and at the same time can raise the dignity of women along with men in the eyes of the world.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
TRANSLITERASI	xiv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalanan	
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Permasalahan Kajian	14
1.4 Objektif Kajian	17
1.5 Soalan Kajian	18
1.6 Kepentingan Kajian	18
1.7 Batasan Kajian	21
1.8 Sumber Kajian	23
1.9 Definisi Operasional	24
1.9.1 Feminisme	24
1.9.2 Novel	26
1.9.3 Citra	27
1.9.4 Emansipasi Wanita	30

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
		1.9.5 Martabat		31
		1.10 Kesimpulan		31

BAB 2 SOROTAN LETERATUR

2.1 Pengenalan	33
2.2 Kajian-Kajian Terdahulu	34
2.3 Kesimpulan	72

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	74
3.2 Rekabentuk Kajian	76

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 3.3 Kaedah Kajian	Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
		3.3.1 Kaedah Kajian Kepustakaan			77
		3.3.2 Kaedah Analisi Teks			78
		3.4 Kaedah Pengumpulan Data			79
		3.4.1 Pembacaan Data			80
		3.4.2 Pemilihan Data			80
		3.4.3 Pembahagian Data			81
		3.5 Teori Kajian			81
		3.6 Teori Feminisme			84
		3.6.1 Kelahiran & Perkembangan Feminisme			90
		3.6.2 Feminisme Di Malaysia			102
		3.6.3 Perkembangan Novel Tamil Malaysia			122



3.5 Kesimpulan

135

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	137
4.2 Sosial	138
4.2.1 Masalah Minuman Keras	162
4.2.2 Masalah Keganasan Rumah Tangga	174
4.2.3 Masalah Balu	191
4.2.4 Penglibatan Wanita Dalam Kemasyarakatan dan Kebajikan	205
4.3 Budaya	212



4.3.1 Peranan Wanita Dalam Keluarga	221
4.3.2 Wanita Sebagai Seorang Ibu	224
4.3.3 Wanita Sebagai Seorang Isteri	231
4.3.4 Wanita Sebagai Seorang Anak	238
4.3.5 Wanita Sebagai Seorang Menantu	242
4.3.6 Budaya Menjaga Maruah	247
4.4 Pendidikan	249
4.4.1 Pendidikan Membentuk Kualiti Hidup	258
4.4.2 Keupayaan Kawalan Diri dan Sokongan Sosial	267
4.4.3 Peluang Kerjaya	274
4.4.4 Pertumbuhan Ekonomi	277
4.5 Ekonomi	285
4.5.1 Wanita dalam Pembangunan Ekonomi	288





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

4.5.2 Wanita dalam Sektor Pekerjaan & Keusahawanan	289
--	-----

4.6 Politik	306
-------------	-----

4.6.1 Peranan Wanita Dalam Bidang Politik	314
---	-----

4.6.2 Wanita Berwawasan	316
-------------------------	-----

4.6.3 Kebangkitan Luar Biasa Wanita Malaysia	322
--	-----

4.7 Kesimpulan	328
----------------	-----

BAB 5 RUMUSAN

5.1 Pengenalan	331
----------------	-----

5.2 Penemuan	332
--------------	-----

5.3 Cadangan	347
--------------	-----

5.4 Kesimpulan	348
----------------	-----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

RUJUKAN

LAMPIRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL

- Jadual 1.1 - Senarai novel Tamil Malaysia Abad Ke-21
- Jadual 4.1 - Halangan sosial watak utama
- Jadual 4.2 - Bilangan kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan pada tahun 2012 mengikut negeri.
- Jadual 4.3 - Bilangan kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan pada tahun 2012 mengikut kumpulan etnik.
- Jadual 4.4 - Pendaftaran penceraian mengikut negeri, 1999-2000
- Jadual 4.5 - Pendaftaran penceraian mengikut negeri, 2001-2010
- Jadual 4.6 - Masalah sosial, citra, emansipasi dan martabat kaum wanita
- Jadual 4.7 - Wanita dalam budaya, citra, emansipasi dan martabat kaum wanita
- Jadual 4.8 - Ahli majlis perwakilan pelajar mengikut jantina di Institut Pengajian Tinggi Awam 2012/2013.
- Jadual 4.9 - Wanita di peringkat pembuat keputusan di sektor pendidikan 2011-2012
- Jadual 4.10 - Wanita dalam bidang pendidikan, citra, emansipasi dan martabat
- Jadual 4.11 - Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut jantina, Malaysia, 1982–2012
- Jadual 4.12 - Wanita dalam bidang ekonomi, citra, emansipasi dan martabat
- Jadual 4.13 - Senarai wanita yang memegang jawatan penting dalam jentera kerajaan
- Jadual 4.14 - Wanita dalam politik, citra, emansipasi dan marabat

SENARAI RAJAH

- Rajah 3.1 - Kerangka Kajian
- Rajah 3.2 - Kerangka Teori
- Rajah 4.1 - Personal sektor awam mengikut kumpulan perkhidmatan dan jantina 2012
- Rajah 4.2 - Enrolmen pelajar di sekolah bantuan kerajaan mengikut peringkat pendidikan dan jantina 2011.
- Rajah 4.3 - Enrolmen pelajar di institusi pengajian tinggi awam mengikut peringkat pengajian dan jantina 2011.
- Rajah 4.4 - Enrolmen pelajar peringkat sarjana muda di IPTA mengikut bidang pengajian dan jantina, 2011.
- Rajah 4.5 - Taburan guna tenaga perempuan mengikut pekerjaan 2011.
- Rajah 4.6 - Penyertaan wanita di Parlimen bagi negara-negara ASEAN,
Jun 2012.
- Rajah 4.7 - Peratusan wanita yang dilantik sebagai Ahli Dewan Negara
2012.
- Rajah 4.8 - Peratusan wanita Ahli Dewan Rakyat.
- Rajah 4.9 - Negara teratas yang mencapai sekurang-kurangnya 30%
penyertaan wanita di Parlimen, 2012

SENARAI SINGKATAN

ADUN	-	Ahli Dewan Undangan Negeri
BBC	-	British Broadcasting Corporation
CEDAW	-	Covenant on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women
DGO	-	Diploma in Gynaecology and Obstetrics
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
DEB	-	Dasar Ekonomi Baru
DWN	-	Dasar Wanita Negara
EXCO	-	Executive Council
HAWA	-	Hal Ehwal Wanita
JPW	-	Jabatan Pembangunan Wanita

KBSR	-	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KLOFFE	-	Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange
KPWKM	-	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
NACIWID	-	Intergrasi Wanita dalam Pembangunan
NCWO	-	Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia
NGO	-	Non Goverment Organisation
PBB	-	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PDRM	-	Polis Diraja Malaysia
PERTIWI	-	Pertubuhan Tindakan Wanita Islam
PNB	-	Permodalan Nasional Berhad
SAC	-	Senior Assistant Commissioner
SIS	-	Sisters In Islam
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SSLC	-	Secondary School Leaving Certificate
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UiTM	-	Universiti Teknologi Mara
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	-	Universiti Malaya
USM	-	Universiti Sains Malaysia
UMNO	-	United Malays National Organisation
WIM	-	Women's Institute of Management
WAO	-	Women's Aid Organisation
WCC	-	Women's Crisis Centre



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

TRANSLITERASI

Penggunaan transliterasi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui transliterasi Bahasa Melayu adalah berdasarkan kepada Sistem Transliterasi yang digunakan dalam Tamil Lexicon. Berikut adalah dasar-dasar kepada transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil yang digunakan.

உயிரமுத்துகள் / Huruf-huruf Vokal

அ	-	a	எ	-	e
ஆ	-	a:	ஏ	-	e:
இ	-	i	ஐ	-	ai
ஏ	-	i:	ஓ	-	o
உ	-	u	ஓ	-	o:
ஊ	-	u:	ஓள	-	au

மெய்யமுத்துகள் / Huruf-huruf Konsonen

க்	-	k	த்	-	th	ல்	-	l
ங்	-	ng	ந்	-	nh	வ்	-	v
ச்	-	c	ப்	-	p	ம்	-	l-
ஞ்	-	nj	ம்	-	m	ள்	-	l:
ட்	-	t:	ய்	-	y	ற்	-	t
ண்	-	n:	ர்	-	r	ன்	-	n

சமஸ்கிருத எழுத்துகள் / Huruf-huruf Sanskrit

ஜ்	-	j	ஹ்	-	h
ஷ்	-	sh	க்ஷி	-	ks
ஸ்	-	s	ஸ்ரி	-	sri

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pada zaman moden ini, bidang kesusasteraan boleh dikatakan telah berkembang dengan pesatnya dalam pelbagai aspek. Bidang sastera juga mempunyai identitinya tersendiri. Pada waktu yang sama genre novel muncul sebagai suatu ciptaan yang terunggul dalam dunia kesusasteraan dan sentiasa mendapat tempat teristikewa dalam bidang kesusasteraan amnya dan kesusasteraan Tamil khasnya. Genre novel juga muncul sebagai cermin yang menggambarkan jangka zaman sesebuah masyarakat.

Menurut Umar Junus (1986:2-4), tidak dapat ditolak hakikatnya bahawa karya

sastera adalah satu fenomena sosial. Hal ini dapat dilihat dalam semua karya sastera.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Tanpa sosial tidak akan ada manusia meskipun saiz masyarakat itu sangat kecil. Beliau juga memberi pendapat bahawa sesbuah karya sastera lahir hasil dari wujudnya sesuatu kejadian sama ada sesuatu yang baik ataupun sebaliknya. Bermula dengan penghasilannya, hakikat yang ada dalam karya itu dan hubungan dengan masyarakatnya merupakan fenomena sosial. Oleh yang demikian mempelajari karya sastera sebenarnya mempelajari sesuatu kehidupan sosial. Melalui karya sastera, kita akan dapat melihat ideologi yang tidak formal yang hidup dalam proses penghasilannya. Karya sastera juga dilihat sebagai dokumen sosiobudaya yang mencatat kenyataan sosiobudaya suatu masyarakat pada masa tertentu. Imej atau citra seperti wanita, lelaki, orang asing, tradisi, dunia moden, masalah dan lain-lain lagi dicerminkan melalui karya yang dihasilkan



05-4506832



Manakala Vaiyapuri Pillai (1974:22)



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



berlaku dalam

bidang kesusasteraan dari semasa ke semasa. Kehadiran kesusasteraan dengan gaya tertentu pada lumrahnya mematuhi kehendak masyarakat pada ketika sesbuah hasil kesusasteraan dicipta sehingga masyarakat cukup puas hati setelah menikmati hasil karya tersebut pada jangkamasa tersebut. Begitulah kemunculan corak dan bentuk kesusasteraan mengikut kehendak zaman serta keperluan masyarakat berkenaan.

Seterusnya menurut Jabrohim (2001:75) para pengkaji atau pembaca perlu menerima kenyataan bahawa seorang sasterawan hidup dalam masa dan tempat tertentu. Dalam kehidupan beliau, sama ada lelaki ataupun wanita sentiasa berhadapan dengan pelbagai masalah sosial. Situasi kehidupan seseorang sasterawan bergantung pada keadaan sosial masyarakat setempat .



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Manakala novel pula merupakan salah satu hasil kesusasteraan abad ke-20 yang menggambarkan masalah masyarakat, kemanusiaan dan sejarah zaman ia muncul di samping memaparkan keunggulan kesusasteraan (Sababathy, V. 1988:35). Walau bagaimanapun bukan semua novel menceritakan hal-hal yang berkaitan dengan minda seseorang. Malah terdapat juga novel-novel yang dihasilkan dengan tujuan menghiburkan para pembaca serta mengisi masa lapang mereka. Walaupun begitu, karya yang tidak memberi kesan yang mendalam kepada pembaca akan hilang ditelan zaman. Oleh sebab itulah para penulis novel mengambil kesempatan untuk membincangkan kehidupan realiti sebagai persoalan pokok berdasarkan masyarakat dan sejarah zaman tersebut.



Tambahan pula, menurut Hamzah Hamdani (1990:43), ramai pengkaji serta penulis beranggapan bahawa kejayaan sesebuah novel bergantung kepada watak yang dipaparkan dalam karya tersebut. Oleh itu, perlukisan watak dalam sesebuah novel diberi tumpuan yang sewajarnya oleh penulis. Walau bagaimanapun, dari semasa ke semasa pengkaji dan pengkritik novel menganalisis dan membuat penilaian yang jitu untuk meningkatkan lagi bakat penulis novel.

Sehubungan itu, pengkaji telah membuat keputusan untuk mengkaji genre novel kerana novel dapat menggambarkan masyarakat keseluruhan serta menyalurkan mesej yang ingin disampaikan oleh penulis. Bentuk bahasa novel dapat dikaitkan dengan tema, sama ada tema utama atau tema sampingan. Di samping itu, melalui novel juga kita dapat merasai pemikiran peribadi seseorang, malah juga memahami nasib kaum wanita dalam masyarakat.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Sejak tahun 1957 kaum wanita telah dipengaruhi oleh pemikiran gerakan feminism barat (Siti Khariah, 2009:10). Situasi ini memberi peluang kepada kaum wanita untuk memperoleh pendidikan dan menyertai perjuangan kemerdekaan serta gerakan secara langsung atau tidak langsung. Jadi pemikiran mereka telah terpengaruh oleh ideologi kemanusiaan dan perjuangan hak yang sama dengan kaum lelaki. Oleh itu, apabila kaum wanita merasai sesuatu yang tidak adil berlaku terhadap diri sendiri atau wanita lain dalam masyarakat, maka timbulah situasi untuk cuba memaparkan perasaan dan kehidupan tersebut dalam karya mereka. Mereka menggambarkan apa yang dilihat dengan kaca mata sendiri, dengar, fikir dan rasakan menerusi novel. Watak utama dalam novel penulis wanita lazimnya adalah wanita dan perasaan yang disampaikan oleh mereka kebanyakannya sedih dan pahit. Bertolak dari sudut pandangan kaum wanita dan berusaha sedaya upaya untuk mengisi kekosongan setiap



05-4506832



ruang yang berkaitan dengan kaum wanita, menjadikan kaum wanita bukan sahaja



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



bernyawa, tetapi juga mempunyai sejarah tersendiri.

1.2 Latar belakang kajian

Seperti kajian-kajian lain, kajian pengkaji yang bertajuk *Feminisme Dalam Novel Tamil Malaysia Abad ke-21* juga mempunyai latar belakangnya tersendiri. Setiap novel pilihan pengkaji mengutarakan kisah-kisah kehidupan wanita yang penuh dengan pengorbanan, penderitaan, kekecewaan dan perjuangan terlebih dahulu sebelum mengecapi kejayaan dan kebahagiaan. Inti pati cerita yang dilakarkan oleh penulis-penulis pilihan pengkaji adalah bersifat realistik dan benar-benar berlaku, iaitu segala peeristiwa yang disaksikan, didengar dan dialami kemudian diadun dengan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



daya imaginasi masing-masing. Mereka menampilkan watak-watak wanita yang tabah, cekal, kuat semangat dan berjiwa kental seiring dengan kehendak dunia moden menerusi novel-novel mereka. Oleh yang demikian, pengkaji tertarik untuk menjadikan novel-novel ini sebagai bahan kajian.

Holman Hugh, C. (1960:72) berpendapat bahawa bahan rujukan terawal yang menjadi dokumen-dokumen rasmi yang mengisahkan sejarah sesebuah masyarakat adalah sastera. Dari sinilah pengkaji-pengkaji awal mengambil bukti yang memaparkan sosiobudaya sesebuah masyarakat. Oleh itu, kita boleh merumuskan bahawa karya sastera novel dan sebagainya menjadi dokumen sosiobudaya yang penting menggambarkan atau mencerminkan kehidupan masyarakat.



berkaitan dengan moral dari situasi sosial dan sejarah. Novel dikategorikan sebagai genre sastera. Novel merupakan genre sastera moden yang popular sejak abad ke-20 (Josep Selvam, 1977:54). Mulai abad ini, bentuk sastera novel berkembang dengan pesat mewarnai dunia sastera. Novel merupakan cermin sesebuah masyarakat. Ia juga merupakan kehidupan masyarakat dengan menokoh unsur-unsur keindahan.

Dalam kesusasteraan Tamil pula, sebelum kesusasteraan prosa, puisi merupakan bentuk sastera Tamil yang terawal. Pada mulanya seorang penyajak muncul apabila mampu menerbitkan puisi berdasarkan isi hatinya. Apabila kemahirannya dalam bidang ini menjadi matang baharulah beliau muncul sebagai penyajak yang sempurna dan mula mencipta epik yang merupakan rangkaian puisi yang panjang membentuk cerita seperti sebuah novel. Maka dapatlah disimpulkan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

bahawa epik pada dasarnya terbit daripada perkembangan puisi. Dalam arena kesusasteraan, epiklah yang paling unggul sekali (Thillyard, 1954:2). Dalam siri menerbitkan karya-karya berilmu oleh para penyair yang bijak lagi cendekiawan, mereka akan menerbitkan epik dari segi corak penyampaian fakta dan kenikmatan dari fakta sejagatnya (Jaganathan, 1955:12).

Abad ke-18 masihi, merupakan abad yang penting dalam perkembangan sastera Tamil moden. Kesusasteraan puisi yang mempengaruhi pada zaman itu telah membuka ruang dan memberi wajah baru iaitu dalam proses pembentukkan kesusasteraan prosa. Novel dan cerpen dari barat mula meresap dalam sastera prosa. Dalam situasi ini kesusasteran Tamil juga mula menukar wajah dari klasik ke moden (Akilan, 1981:96).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Perkembangan bahasa Tamil bergantung pada orang Tamil. Mereka menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pertuturan dan mengembangkan peradaban dan memajukan kesusasteraan Tamil mengikut peredaran masa. Penduduk India di Malaysia pada awalnya adalah ahli perniagaan, duta politik dan ahli falsafah. Mereka juga bukanlah penghuni tetap dan tidak berusaha mewujudkan masyarakat India di sini. Keadaan ini berterusan sehingga abad ke-19 (Akilan, 1981:97).

Kaum India mula menetap di Tanah Melayu pada penghujung abad ke-19 masihi. Penetapan kaum India menyebabkan timbul keperluan pendidikan Tamil yang sistematik yang seterusnya membantu mengembangkan kesusasteraan Tamil di Malaysia (Manisegaran, A. 1988:211). Ikutan daripada perkembangan sekolah-sekolah Tamil, bidang kesusasteraan pun mula berkembang. Golongan berilmu mula



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

menceburkan diri dalam persatuan pembaca serta kumpulan pengkritik untuk memajukan bidang ini. Di samping itu, akhbar juga memainkan peranan penting sebagai agen am untuk mengembangkan kesusasteraan Tamil di Tanah Melayu. Pendek kata, akhbar Tamil merupakan ibu kepada kesusasteraan Tamil di Malaysia (Dhandayudham, R. 1977:208).

Sebagai permulaan, arena penulisan puisi mula muncul dalam kesusasteraan Tamil Malaysia. Dalam Kesusasteraan Tamil Malaysia, puisi merupakan genre yang penuh abstrak dan unggul. Puisi Tamil Malaysia dianggap unggul kerana dianggap sebagai genre yang dapat mencerminkan pergolakan masyarakat dengan jelas serta memaparkan estetika bahasa yang tinggi. Ia juga menjadi inspirasi dan panduan kepada generasi muda. Secara amnya perkembangan Puisi Tamil Malaysia berlaku



05-4506832



dalam tiga cara iaitu:

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

i. Perkembangan sebagai bahasa lisan

ii. Perkembangan melalui hasil nukilan dalam majalah dan akhbar

iii. Perkembangan melalui penerbitan antologi.

Pada peringkat awal, perkembangan kesusasteraan Tamil berkembang sebagai kesusasteraan lisan. Rekaan lagu-lagu balada merupakan jenis puisi awal yang dilahirkan dalam perkembangan puisi di Tanah Melayu. Sebelum kemunculan majalah dan akhbar, rakyat biasa yang tinggal di ladang-ladang mula meluahkan perasaan dan penderitaan mereka melalui lagu-lagu balada. Corak permasalahan masyarakat ladang seperti ketidakpuasan akibat penghijrahan, kemiskinan, tekanan kerja, masalah persekitaran yang mengancam dan penderitaan yang ditanggung akibat



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



pihak pengurusan ladang menjadi ilham dalam lagu-lagu balada yang dilahirkan secara lisan. Keadaan ini digambarkan melalui puisi balada di bawah yang membawa maksud kaum India di India ditipu dengan kata-kata manis oleh *Kanggany* bahawa akan diberi pekerjaan yang sesuai serta gaji yang lumayan, tetapi setelah di bawah ke Tanah Melayu mereka diberi kerja-kerja yang berat seperti bekerja di ladang-ladang getah yang dipenuhi dengan hutan lalang.

சீனிக்குக் காக்காய் ஓட்ட - கூட்டிகினுவந்த
கறுப்புச் சட்டை கதிர்வேலு கங்காணி!
லாலான் முள்ளு டிங்குன்னுதே - இங்கு
லப்பர்க் கொட்டை டப்புன்னுதே! (Punniyavan, K. 2012:25)

*ci:niku ka:ka:i o:tta – ku:tikinuvanth
karuppu cattai Kathirvelu kangka:ni!
la:la:n mullu dingkunnuth – ingku
lapark kottai tappunnuth:!*



Dalam puisi ini, penyajak meluahkan resahan hati pekerja ladang akibat migrasi dari tanah air mereka ke Tanah Melayu. Kandungan puisi ini menceritakan bagaimana mereka ditipu dengan kata-kata manis oleh golongan tertentu. Penyair juga mencerahkan kekecewaan dan penderitaan mereka hadapi dengan perasaan sayu. Di samping tema-tema di atas, penyair sastera rakyat ini, turut mengutarakan tema seperti penderitaan hidup semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu, gangguan seksual pihak pengurusan ladang dan keagamaan dalam puisi mereka.

Manakala perkembangan puisi melalui hasil nukilan dalam majalah dan akhbar pula bermula dengan wujudnya majalah yang berjudul *Singkai Varthama:ni* yang merupakan majalah Tamil yang pertama dicetak di negara ini dalam bahasa Tamil. Majalah bulanan ini diterbitkan pada tahun 1875. Penerbitan majalah ini memberi





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ruang untuk percetakan majalah Tamil berkembang luas (Jayaraman, N.V. 1988:30).

Perkembangan ini secara tidak langsung menjadi suntikan kepada perkembangan puisi yang pesat. Sehingga tahun 1956 sebanyak 130 majalah telah diterbitkan dalam bahasa Tamil. Kelahiran majalah-majalah ini menjadi sumber penting dalam perkembangan Puisi Tamil Malaysia. Penerbitan Akhbar *Tamil Ne:san* pada tahun 1923 dan Akhbar *Tamil Murasu* pada tahun 1935 serta Akhbar *Tamil Kodi* pada tahun 1941 turut memberi sumbangan besar pada peringkat awal perkembangan puisi Tamil Malaysia (Murasu Nedumaran, 2000:4). Seterusnya dalam sejarah perkembangan Puisi Tamil Malaysia didapati sajak bertajuk *Irunthum Payamenna?* merupakan sajak Tamil pertama di Malaysia. Puisi berirama ini dihasilkan pada tahun 1866 oleh Narayanasamy Nayagan dari Singapura.



05-4506832



Hasil kajian ke atas



Perpustakaan Tuanku Bainun



Antologi Puisi Tamil Malaysia



ptbupsi

pula menunjukkan penerbitan antologi *A:rumugap Patikam* pada tahun 1870an merupakan penerbitan antologi kesasteraan puisi pertama di Malaysia (Jayaraman, N.V. 1988:31). Antologi ini dihasilkan oleh penyair Maru. Vengasalam Pillai. Pada tahun 1872, wujud kesinambungan dalam usaha-usaha penerbitan antologi puisi. Penyair Muhamathu Abthul Kathiru Pulavar telah menghasilkan antologi *Munajatu Tirattu* bertemakan nilai-nilai keagamaan. Dalam jangka masa empatbelas tahun selepas ini, tiada sebarang antologi puisi diterbitkan. Keadaan ini berubah apabila kemunculan antologi *Malaka Piravesa Tirattu* pada tahun 1886. Penyair Sevata Marakayar, memberi nafas baru dalam perkembangan puisi Tamil di Malaysia dengan penerbitan antologi ini. Penerbitan koleksi puisi-puisi yang bertajuk *Vannai Antha:ti*, *Vannai Nakar U:njal*, *Singkai Nakar Antha:ti* dan *Citirak Kavikal* oleh Sathasiva Pandithar pada tahun 1887, membuka lembaran gemilang dalam penerbitan antologi puisi Tamil



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



di Tanah Melayu. Ekoran daripada penerbitan-penerbitan antologi ini, penyair-penyair tempatan mendapat inspirasi baru dan menghasilkan antologi secara individu dengan lebih giat lagi. Maka, perkembangan dunia puisi menjadi pesat menuju ke arah kegemilangan (Jayaraman, N.V. 1988:32).

Kemunculan puisi Tamil Malaysia membawa era baru dalam arena kesusasteraan Tamil ke arah penciptaan novel. Novel Tamil Malaysia yang pertama dihasilkan dalam dua bahagian iaitu *Karunacakaran* (1917) dan *Pa:lancunhhtaram* (1918). Pada tempoh masa 1941 hingga 1948 tidak ada novel yang diterbitkan. Keadaan ini tercetus akibat dari Perang Dunia Kedua. Bagi dunia novel Tamil Malaysia, tempoh itu adalah zaman kegelapan (Sababathy, V. 1992:7). Zaman kemerdekaan adalah satu jangkamasa untuk novel Tamil Malaysia mendapat



semangat baru. Rata-rata tema novel awal adalah tentang kemerdekaan India sistem kasta dan *dowri* (mas kahwin) dalam perkahwinan. Latar tempat yang ketara menggunakan Tamil Nadu dan Sri Langka mula berubah menggunakan latar Malaya pada tahun 1950an (Sababathy, V. 1992:10).

Novel awal era 20an mendukung isu-isu tentang dasar-dasar kerajaan, pergolakan politik, keperluan masyarakat dan idea-idea positif untuk kemajuan masyarakat. Manakala novel-novel menjelang 60an dan 70an antara isu atau masalah utama yang dijadikan tema ialah ketiadaan perpaduan dan masalah minuman keras. Pada dekad 70an dan 80an, isu penyalahgunaan dadah dijadikan sebagai tema. Novel-novel yang dikarang oleh pengarang-pengarang tempatan banyak membawa tema-tema sosial. Jika terdapat pengarang yang mengarang tentang wanita, tumpuan mereka adalah setakat citra wanita sahaja. Tidak ada pengarang yang mengutarakan tentang





tema feminism dalam novel mereka. Contoh novel-novel (1957 hingga 1970) yang menyentuh tentang citra wanita adalah seperti *Mallika*: (1957), *Tuyarappa:tai* (1958), *Mu:nkir Pa:lam* (1963), *Ma:la:vin Turavu* (1965), *Va:ta:ta Malar* (1966), *Anta Natiyil Irantu Mi:nkal* (1967), *Itaya Va:cal* (1967), *Manama:lai* (1969), *Po:kkiri Ra:ja:* (1969), *Cemmannum Ni:la Malarkalum* (1969), *Ka:kitappu* (1970), *Valipa Kilavan* (1970), dan *Mancal Kayiru* (1970) (Sagar Narayanan, 2009:3).

Scenario ini juga dapat kita lihat dalam novel-novel abad ke-21 yang mana antara dua puluh lima buah novel yang dikarang oleh pengarang-pengarang Tamil Malaysia, terdapat hanya empat buah novel yang mencerminkan teori feminism. Pengarang-pengarang ini terdiri daripada dua orang penulis wanita seperti yang dikemukakan oleh Elaine Showalter iaitu ginokritikan dan dua orang penulis lelaki



iaitu kritik feminis (Eline Showalter, 1977:45). Perbezaan ketara antara penulis-wanita yang dikenali sebagai ginokritikan dan lelaki iaitu kritik feminis dalam mencerminkan teori feminism dalam hasil karya mereka dapat kita lihat dengan jelas

Walaupun penulis lelaki mencerminkan teori feminism, tetapi pembaca khasnya pembaca wanita tidak dapat merasa sentuhan tersebut secara dalam ataupun tidak menyentuh perasaan kaum wanita manakala penulis-wanita pula dapat menggambarkan secara maksima citra wanita, emansipasi wanita dan martabat wanita dengan mengemukakan masalah-masalah sosial yang menjadi masalah utama pada kaum wanita sehingga ke hari ini.





Sudah menjadi tradisi dan ikutan masyarakat bahawa wanita hidup bersandarkan ibu bapa sebelum berkahwin, kemudian hidup bersandarkan suami dan setelah kematian suami ia terpaksa meneruskan kehidupannya dengan bersandarkan kepada anaknya. Hal ini dapat dilihat pada masa sekarang dalam kehidupan harian. Masyarakat India juga tidak ketinggalan dalam mengimbaskan nilai-nilai seperti kehalusan, kesederhanaan, kelembutan dan kegentaran pada diri kaum wanita (Anantha Nachiyammah, 2011:497)

Memandangkan hakikat ini dan fakta bahawa ramai penulis awal novel Tamil Malaysia adalah kaum lelaki serta pegangan mereka terhadap anakronisme menyebabkan mereka tidak memberi keutamaan kepada kaum wanita. Tambahan pula mereka telah mengurangkan pemaparan watak setakat yang boleh dalam hasil karya mereka (Sagar Narayanan, 2009:48).



Penghasilan sesebuah karya mempunyai hubungan dengan latar belakang penulisnya. Oleh itu, segala gambaran dan perbincangan yang dipaparkan dalam sesebuah karya dengan jelas memaparkan isi hati mereka tidak kira penulis tersebut lelaki ataupun wanita. Perlakuan watak dan tindak tanduk seseorang watak diuraikan secara terperinci oleh penulis kerana ia adalah watak impian mereka. Pendek kata, segala isu yang diperbincangkan dalam sesebuah novel ataupun karya adalah sesuatu yang telah dialami dan dirasai oleh penulis tersebut. Perubahan yang dilakukan oleh mereka adalah dari segi pertukaran nama watak dan nama tempat yang mana kejadian tersebut berlaku dan ditambah dengan daya imaginasi (Rajeswari, V. 2012:14)

